

08 DEC 1999

Perak-Exco

EMPAT MUKA BARU DALAM BARISAN EXCO PERAK

KUALA KANGSAR, 8 Dis (Bernama) -- Sepuluh anggota Exco kerajaan negeri, termasuk empat muka baru, mengangkat sumpah di hadapan Sultan Perak Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah di sini hari ini.

Muka baru itu ialah Ketua Pemuda Umno Negeri Jamal Nasir Rasdi (Lubok Merbau), Ketua Wanita Umno dan Barisan Nasional (BN) Negeri Ainon Khariyah Abas (Kampung Gajah), Datuk Azman Mahalan (Ayer Kuning) dan Ketua Pemuda MCA Negeri Ho Cheng Wang (Pokok Assam).

Mereka yang dilantik semula ialah Datuk Ong Ka Chuan, Datuk Mazidah Zakaria, Datuk Dr Abdul Malek Mohamad Hanafiah, Datuk Ramly Zahari, Datuk Chang Ko Youn dan Datuk G. Rajoo.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali ketika ditemui selepas majlis itu berkata barisan Exco itu menunjukkan penambahan satu kerusi sebagai mengiktiraf sokongan wanita kepada BN dalam pilihan raya umum 29 Nov lepas.

Beliau berkata, penambahan kerusi kepada Umno itu juga adalah untuk memberi imbalan kepada pelantikan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) yang baru daripada anggota DUN MCA.

Sebelum ini komposisi Exco ialah lima jawatan kepada Umno, dua kepada MCA dan masing-masing satu bagi MIC dan Gerakan.

Mengenai portfolio, Tajol Rosli berkata sedikit rombakan perlu dibuat kerana penambahan satu lagi jawatan Exco itu.

Beliau bagaimanapun berkata, pengumuman berkenaan portfolio, nama Speaker dan Timbalannya hanya akan dibuat selepas berbincang dengan Setiausaha Kerajaan negeri dan mendapat kelulusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta perkenan Sultan Azlan Shah.

Mereka yang digugurkan dari senarai baru Exco adalah Exco Agama Islam, Kemajuan dan Kebajikan Masyarakat Datuk Zaim Abu Hasan, Exco Pembangunan Industri dan Pembangunan Usahawan Datuk Seri Junus Wahid dan Exco Kesihatan, Sains Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Lee Chee Leong.

Zaim tewas pada pilihan raya umum baru-baru ini di kawasan DUN Belanja.

-- BERNAMA

HJ NMO